

PERJANJIAN AM

Antara Kerajaan Soviet dengan Kerajaan Amerika Mengenai hubungan pertukaran dan kerjasama

Kerajaan Soviet Union dan Kerajaan Amerika sejajar dengan prinsip-prinsip hubungan antara Kerajaan Soviet dengan Kerajaan Amerika menandatangani perjanjian di Moscow pada 29 Mei, 1972.

Bersyarat untuk mengembangkan persefahaman yang lebih baik antara rakyat Soviet dengan Amerika untuk menolong memperbaiki hubungan antara kedua buah negara.

Dengan kepercayaan bahawa hubungan-hubungan akan memberi faedah bersama yang lebih luas serta pertukaran-pertukaran dan kerjasama akan memudahkan lagi untuk mencapai kejayaan itu.

Memberi pertimbangan tentang pengalaman yang lalu yang dicapai melalui perjanjian-perjanjian mengenai pertukaran dalam sains, teknik, kebudayaan dan lain-lain bidang telah bersetuju sebagai berikut:

ARTIKEL I

1. Kedua pihak akan menggalakkan dan memajukan hubungan, bertukar-tukar dan kerjasama dalam bidang sains, teknologi, pelajaran dan kebudayaan dan di lain-lain bidang bagi kepentingan bersama menurut asas persamaan, faedah bersama dan berbalas-balas.

2. Hubungan pertukaran dan kerjasama seperti itu

hendaklah menurut lunas perlembagaan, peraturan dan undang-undang negara masing-masing. Dalam rangka kerja ini, kedua pihak akan mengambil daya usaha untuk mengembangkan keadaan yang melegakan untuk mencapai matlamat itu.

ARTIKEL II

1. Kedua pihak hendaklah mengambil perhatian perjanjian-perjanjian khas dalam beberapa bidang dan menegaskan tentang memenuhi perjanjian mereka untuk mencukupi matlamatnya :

(a) Perjanjian mengenai kerjasama dalam bidang Perlindungan Kekotoran antara Kerajaan Soviet dengan Kerajaan Amerika ditandatangani di Moscow pada 23 Mei, 1972;

(b) Perjanjian antara Kerajaan Soviet dengan Kerajaan Amerika Syarikat mengenai kerjasama dalam bidang Perubahan Sains dan Kesihatan Umum ditandatangani di Moscow pada 23 Mei, 1972.

(c) Perjanjian antara Kerajaan Soviet dengan Amerika Syarikat berhubung dengan kerjasama dalam bidang penyiasatan dan penggunaan angkasa lepas bagi kegunaan keamanan ditandatangani pada 24 Mei, 1972;

(d) Perjanjian antara Kerajaan Soviet dengan Amerika mengenai kerjasama dalam bidang Sains dan Teknologi ditandatangani di Moscow pada 24 Mei, 1972;

(e) Perjanjian antara Kerajaan Soviet dengan Amerika mengenai kerjasama dalam bidang Pertanian ditandatangani di Washington pada 19 Jun, 1973;

(f) Perjanjian antara Kerajaan Soviet dengan Amerika mengenai kerjasama Kajian Lautan Dunia ditandatangani di Washington pada 19 Jun, 1973.

(g) Perjanjian antara Kerajaan Soviet Union dengan Amerika mengenai kerjasama dalam bidang pengangkutan ditandatangani di Washington pada 19 Jun, 1973.

2. Pihak-pihak akan menyokong perjanjian kepakaran yang dikaji semula termasuk persetujuan bersama apabila di pinda antara:

(a) Akedami Sains Soviet Union dan Akedami Sains Kebangsaan Amerika Syarikat dan

(b) Akedami Sains Soviet Union dan Majlis Persatuan Cerdik Pandai Amerika.

3. Kedua pihak akan menggalakkan pada akhirnya, apabila difikirkan memberi faedah bersama, perjanjian tambahan di lain-lain bidang tertentu dalam rangka asas perjanjian.

ARTIKEL III

Kedua pihak akan menggalakkan serta mempercepatkan hubungan, bertukar-tukar dan kerjasama antara pertubuhan-pertubuhan antara kedua negara dalam bidang sains dan teknologi dan di lain-lain bidang yang ada hubungan untuk kepentingan bersama yang tidak diselenggarakan di bawah perjanjian khas yang diadakan antara kedua pihak, kegiatan ini boleh ditambah dengan :

(a) Bertukar-tukar pakar, rombongan dan maklumat sains dan teknik; pertubuhan bagi bersyarah, seminar dan simposim;

(b) Penyertaan ahli-ahli sains dan lain-lain pakar dalam kongres-kongres sains, persidangan-persidangan dan lain-lain mesyuarat diadakan di kedua negara, dan mengadakan pameran bagi karya-karya pakar-pakar dan usaha penyelidikan bersama dan

(c) Lain-lain hubungan, bertukar-tukar dan kerjasama boleh diadakan dengan persetujuan bersama.

ARTIKEL IV

1. Kedua pihak akan menggalakkan dan mempercepatkan usaha meluaskan hubungan, bertukar-tukar dan kerjasama dalam beberapa bidang pendidikan. Untuk mencapai matlamat ini kedua pihak akan :

(a) Mengadakan rancangan bertukar-tukar penuntut, para penyelidik dan ahli-ahli fakulti bagi pengajian dan penyelidikan, professor dan guru-guru untuk memberi syarahan, menawarkan pertunjukan dan menyelenggarakan penyelidikan dan juga pakar-pakar dan para wakil dalam beberapa bidang pelajaran; dan

(b) Mempercepatkan pertukaran dengan pertubuhan-pertubuhan pelajaran yang wajar dan bahan-bahan pengajaran termasuk buku-buku teks, sukatan pelajaran, bahan-

bahan cara-cara, contoh alat pengajaran dan alat pandang dengar.

2. Kedua pihak akan juga menggalakkan mempelajari bahasa-bahasa satu sama lain melalui kemajuan kerjasama bertukar-tukar dan melalui langkah-langkah persetujuan bersama.

ARTIKEL V

Untuk menggalakkan perkembangan kebudayaan antara satu sama lain, kedua pihak akan menggalakkan kemajuan hubungan, dan bertukar-tukar dalam bidang seni lukis. Untuk itu, kedua pihak akan mempercepat pertukaran drama, musik, orkestra, choreograpik dan lain-lain seni dan kumpulan penghibur dan persembahan perseorangan.

ARTIKEL VI

1. Kedua pihak akan menggalakkan pertubuhan-pertubuhan filem kedua negara untuk menimbangkan cara meluaskan pembelian dan pembahagian secara perdagangan berdasarkan filem-filem yang dikeluarkan di tiap-tiap negara.

2. Kedua pihak akan juga menggalakkan, bertukar-tukar dan pameran, filem-filem dokumen dalam bidang sains, teknologi, kebudayaan, pelajaran dan lain-lain bidang dan juga mempercepat bertukar-tukar rombongan kreatif dan pakar-pakar teknik.

3. Kedua pihak seterusnya bersetuju apabila diminta oleh pertubuhan-pertubuhan dan pihak perseorangan di negara masing-masing untuk menimbang lain-lain cadangan ke arah meluaskan lagi rancangan bertukar-tukar dalam bidang ini, termasuk mengadakan pertunjukan filem perdana dalam minggu filem di negara masing-masing dan pengeluaran bersama bagi filem-filem rencana dan filem-filem panjang dan pendek mengenai pelajaran dan sains.

ARTIKEL VII

1. Kedua pihak akan mempercepat hubungan dan menggalakkan pertukaran antara pertubuhan-pertubuhan

kedua negara termasuk pertukaran rancangan radio dan filem talivisyen dan kerjasama rombongan-rombongan dan pakar-pakar dalam bidang ini.

2. Kedua pihak juga bersetuju, bila diminta oleh pihak pertubuhan-pertubuhan atau perseorangan dari kedua negara, akan menimbangkan cadangan-cadangan dalam bidang radio dan talivisyen termasuk memberi bantuan bagi pengeluaran rancangan-rancangan radio dan talivisyen.

ARTIKEL VIII

Kedua pihak akan menggalakkan :

(a) Bertukar-tukar buku, majallah, akhbar dan lain-lain penerbitan yang menitik-beratkan sains, teknik, kebudayaan dan perkara-perkara mengenai pelajaran antara perpustakaan, universiti dan lain-lain pertubuhan tiap-tiap negara dan juga pembahagian majallah SOVIET LIFE dan AMERIKA;

(b) Bertukar-tukar lawatan para wartawan, pengarang, penerbit dan penterjemah kerja-kerja pendidikan dan juga menyertai persidangan-persidangan professional.

ARTIKEL IX

Kedua pihak akan menggalakkan dan mempercepatkan bertukar-tukar pameran mengenai beberapa perkara bagi kepentingan bersama dan juga penyertaan oleh pameran-pameran satu pihak yang mungkin diadakan di negara lain. Pihak itu akan juga memberi bantuan bagi mengadakan pameran-pameran antara musim kedua negara.

ARTIKEL X

Kedua pihak akan membalas pertukaran-pertukaran dan lawatan arkitek-arkitek, ahli sejarah, pelukis, pengubah, ahli musik, pakar musium, pengubah lakunan, pengarali pentas, penulis, pakar dalam lain-lain bidang, kebudayaan dan professional. Untuk mengetahui secara mendalam dengan perkara-perkara kepentingan mereka dalam bidang-bidang tertentu dan menyertai mesyuarat, persidangan dan symposium.

ARTIKEL XI

1. Kedua pihak akan memberi bantuan kepada Timbalan-Timbalan Majelis Tertinggi Soviet dan Anggota Kongres Amerika Syarikat dan juga pegawai-pegawai kerajaan — kebangsaan kedua buah negara untuk melakukan lawatan ke Amerika Syarikat dan Soviet Union. Peraturan-peraturan bagi bantuan serupa itu hendaklah dipersetujui terlebih dulu melalui saluran diplomatik.

2. Kedua pihak akan menggalakkan bertukar-tukar wakil perbandaran, kerajaan tempatan dan Negeri Soviet Union dan Amerika untuk mengkaji beberapa aspek mengenai kerajaan di peringkat tersebut.

ARTIKEL XII

Kedua pihak akan menggalakkan usaha bersama bagi bertukar-tukar antara pertubuhan-pertubuhan, kegiatan dalam sivik dan sosial, termasuk pertubuhan wanita.

Menyedari keputusan melaksanakan usaha bersama seperti itu dan pertukaran-pertukaran itu adalah tertakluk kepada pertubuhan-pertubuhan tersebut sendiri.

ARTIKEL Xni

Kedua pihak akan menggalakkan pertukaran-pertukaran ahli-ahli dan pasukan olahraga dan juga lawatan-lawatan khas dalam bidang-bidang pelajaran jasmani dan sukan yang akan disusun di antara pertubuhan-pertubuhan sukan yang bertanggungjawab di antara kedua negara.

ARTIKEL XIV

Kedua pihak akan menggalakkan pengembaraan para pelancung antara kedua negara dan mengambil langkah-langkah untuk memenuhi keperluan para pelancung untuk memberi pengetahuan kepada mereka tentang penghidupan, kerja dan kebudayaan rakyat kedua negara.

ARTIKEL XV

Kedua pihak mengakui tentang kegiatan-kegiatan ulang-tahun yang mungkin diadakan di tempat-tempat di negara

mereka berhubung dengan perayaan yang diiktiraf oleh badan-badan antarabangsa yang penting.

ARTIKEL XVI

Kedua pihak akan mengadakan satu mesyuarat tiap-tiap tahun bagi wakil-wakil mereka untuk kajian mengenai pelaksanaan hubungan, pertukaran-pertukaran dan kerjasama dalam berbagai bidang dan menimbang bagi pertukaran-pertukaran yang tidak dilaksanakan di bawah peraturan-peraturan khas yang diadakan di antara kedua pihak.

ARTIKEL XVII

1. Bagi melaksanakan berbagai-bagai provision di bawah perjanjian-perjanjian itu, kedua pihak akan mengadakan rancangan-rancangan pertukaran-pertukaran bagi 1974-1976 yang telah dimasukkan dan menjadi sebahagian dari perjanjian. Rancangan itu akan dilaksanakan dari 1 Januari, 1974 hingga 31 Disember, 1976, dan selepas itu, kecuali dan hingga dipinda dengan persetujuan kedua pihak akan mengadakan rangka panduan bagi rancangan pertukaran-pertukaran bagi 1977 hingga 1979.

2. Kedua pihak bersetuju dan para wakil mereka akan mengadakan pertemuan sebelum akhir tempoh 1976 dan akan memajukan rancangan bertukar-tukar bagi tiga tahun akan datang.

ARTIKEL XVIII

Kedua pihak bersetuju bahawa:

(a) Senarai rancangan dan urusan, jangka masa menetap, tarikh ketibaan, bilangan rombongan, kewangan dan peraturan pengangkutan dan lain-lain butir bagi pertukaran dan lawatan kecuali lain-lain keputusan diambil, dan menurut peraturan, sekurang-kurangnya 30 hari sebelum tarikh keberangkatan yang dijadualkan.

(b) Permohonan-permohonan bagi visa untuk para pelancung yang menyertai kegiatan pertukaran-pertukaran dan kerjasama hendaklah dikemukakan menurut peraturan, 14 hari sebelum tarikh bertolak.

(c) Kecuali lain-lain diadakan bagi persetujuan-persetujuan khas di antara kedua pihak dan kecuali peraturan-peraturan lain dipersetujui, para peserta kegiatan pertukaran-pertukaran dan kerjasama itu akan membayar perbelanjaan sendiri termasuk pengembaraan antarabangsa, perjalanan dalam negeri dan perbelanjaan di negeri penerima.

ARTIKEL XIX

1. Perjanjian ini dikuatkuasakan dari masa ditandatangani dan hendaklah berjalan hingga 31 Disember, 1979. Ia boleh diperbaiki atau tempohnya dilanjutkan dengan persetujuan bersama kedua pihak.

2. Tidak ada sesuatu dalam perjanjian ini yang boleh ditafsir membawa prasangka terhadap lain-lain perjanjian yang dicapai antara kedua pihak.

Dibuat di Washington pada 19hb Jun 1973 dalam dua salinan dalam bahasa iaitu Russia dan Inggeris yang mempunyai persamaan erti.

**Bagi Pihak
Kesatuan Republik
Sosialis Soviet
A. GROMYKO.**

**Bagi Pihak Kerajaan
Ainerika Syarikat,
WILLIAM P. ROGERS.**